PENDAKWA RAYA

lwn.

YAP LIAN LEE

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHTAR ABDULLAH PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-11-87]
14 OGOS 1989

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Mengedar dadah berbahaya - Heroin seberat 30.76 gms. dan 638.48 gms. - Section 39B(1)(a) dan s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.*

Pada 30 Januari 1986 satu pasukan polis diketuai oleh Inspektor Abdul Rahim Abdul Razak (PW4) telah membuat serang hendap di hadapan satu bangunan empat tingkat di Jalan Sentul Pasar pada lebih kurang jam 11.00 pagi. Tertuduh telah dilihat turun daripada sebuah teksi di hadapan bangunan itu dan terus menaiki tangga bangunan itu. Lebih kurang 15 minit kemudian Tertuduh keluar dari bangunan dan terus menuju kepada teksi tadi yang sedang menunggunya. Tertuduh telah ditangkap dan diperiksa badannya. PW4 disaksikan oleh Detektif Konstabel Gulam (PW5) telah menjumpai bungkusan-bungkusan heroin yang jumlah beratnya 30.76 gms.

Kemudiannya kedua-dua tangan Tertuduh telah digari dan Tertuduh telah membawa PW4 naik ke tingkat 3 bangunan itu, ke flat No. 2030-2A. Pintunya berkunci manakala terdapat juga satu grill besi berkunci dengan satu mangga. Tertuduh yang mempunyai kunci membuka mangga, membuka grill dan juga pintu itu. PW4 dan pegawai-pegawainya yang tertentu telah masuk ke dalam flat itu dan telah dibawa oleh Tertuduh ke satu bilik di hujung flat itu. Pintu bilik hujung ini berkunci dengan satu mangga kecil. Lagi sekali Tertuduh bertindak dengan sukarela membuka mangga dan seterusnya membuka pintu bilik hujung itu.

Di dalam pemeriksaan bilik tersebut PW4 telah menjumpai peket-peket heroin yang jumlah beratnya 638.48 gms. Tertuduh telah didakwa di atas tuduhan mengedarkan dadah berbahaya.

Diputuskan:

[1] Berkaitan dengan Pertuduhan Pertama, Tertuduh dikenakan hukuman mati mandatori. Keterangan langsung dan nyata oleh pihak Pendakwaan tidak dapat disangkal oleh Tertuduh. Cerita Tertuduh berkenaan dengan Pertuduhan Pertama adalah tidak munasabah dan tidak menyangkal anggapan-anggapan statutori berkenaan di atas imbangan kebarangkalian. Ceritanya juga tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pihak Pendakwaan atau terhadap kebersalahannya.

[2] Berkaitan dengan Pertuduhan Kedua, Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan kerana di atas segala keterangan yang ada, Tertuduh telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak Pendakwaan. Pihak Pendakwaan gagal memberi keterangan kukuh berkenaan dengan penghuni atau penduduk bilik mengakibatkan barangkali benar bahawa Tertuduh bukanlah penghuni atau penduduk bilik itu dan tidak memiliki barang-barang yang terjumpa di dalamnya. Keterangan tingkahlaku Tertuduh rela membantu polis membuka grill dan pintu-pintu tersebut adalah relevan dalam menentukan kebersalahan Tertuduh. Ini adalah kerana tindakan spontan ini menunjukkan kebarangkalian Tertuduh tidak tahu atau mengsyaki adanya dadah di dalam

bilik tersebut. Oleh yang demikian Tertuduh telah menyangkal anggapan statutori di bawah s. 37(b) mensifatkannya sebagai penghuni atau penduduk bilik berkenaan. Seterusnya anggapan-anggapan di bawah s. 37(b) dan (da) dengan itu tersangkal.

[Tertuduh bersalah di atas Pertuduhan Pertama, di hukum mati.]

Kes-kes yang dirujuk:
Haw Tua Tau v. P.P. [1981] CLJ (Rep) 11
Ragunathan v. P.P. [1982] 1 MLJ 139
Munusamy v. P.P. [1987] CLJ (Rep) 221

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak tertuduh - Mohamed Noor Don; T/n. Mohamed Noor Don & Associates
Bagi pihak pendakwa raya - Cik Hafilah Daud (Timbalan Pendakwaraya)

PENGHAKIMAN

Mohtar Abdullah PK:

Tertuduh telah didakwa di atas dua pertuduhan mengedarkan dadah berbahaya seperti berikut:

Tuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 30 Januari 1986 lebih kurang jam 11.00 pagi, di hadapan rumah kedai No. 2030, Jalan Bandar Dalam, Sentul, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah mengedar dadah berbahaya, iaitu heroin seberat 30.76 gms. dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Tuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 30 Januari 1986 lebih kurang jam 11.15 pagi, di dalam sebuah bilik di Flat No. 2030-2A, Jalan Bandar Dalam, Sentul, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah mengedar dadah berbahaya, iaitu heroin seberat 638.48 gms. dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes bagi pihak Pendakwaan, dengan ringkasnya, adalah seperti berikut. Pada 30 Januari 1986 satu pasukan polis yang diketuai oleh Inspektor Abdul Rahim bin Abdul Razak (PW4) telah membuat serang hendap di hadapan satu bangunan empat tingkat di Jalan Sentul Pasar pada lebih kurang jam 11.00 pagi. Tertuduh telah dilihat turun daripada sebuah teksi di hadapan bangunan itu dan terus menaiki tangga bangunan itu. Lebih kurang 15 minit kemudian Tertuduh keluar dari bangunan dan terus menuju kepada teksi tadi yang sedang menunggunya. Tertuduh telah ditangkap dan diperiksa badannya. PW4, disaksikan oleh Detektif Konstabel Gulam (PW5) telah menjumpai satu bungkusan kecil akhbar terikat di betis kiri Tertuduh dan satu lagi bungkusan kecil akhbar terikat di betis kanannya. Di dalam bungkusan-bungkusan ini didapati masing-masing mengandungi 10 peket heroin. PW4 juga menjumpai dua bungkusan kecil dari poket kiri seluar Tertuduh. Bungkusan pertama mengandungi 5 peket heroin dan bungkusan kedua mengandungi 3 peket heroin. Pemeriksaan oleh Ahli Kimia (PW3) mengesahkan 28 peket ini mengandungi heroin yang jumlah beratnya 30.76 gms. Amaun heroin inilah yang menjadi subjek pertuduhan pertama terhadap Tertuduh.

Kemudiannya kedua-dua tangan Tertuduh telah digari. Setelah disoal oleh PW4, Tertuduh telah membawa PW4 naik ke tingkat 3 bangunan itu ke flat No. 2030-2A. Pintunya berkunci manakala terdapat juga satu grill besi berkunci dengan satu mangga.

PW4 memberi keterangan mengenai tindakan-tindakan Tertuduh ketika itu:

> Saya bertanya Tertuduh berkenaan kunci grill besi dan kunci pintu. Tertuduh kemudian mengeluarkan satu berkas kunci daripada poket seluar beliau dan memberikannya kepada saya. Saya telah cuba membuka mangga yang terdapat pada grill besi tersebut. Dalam masa saya memilih-milih kunci untuk membuka mangga tersebut, Tertuduh telah meminta untuk membukanya sendiri. Kemudiannya Tertuduh membuka mangga, membuka grill dan juga pintu itu.

PW4 dan pegawai-pegawainya yang tertentu telah masuk ke dalam flat itu dan telah dibawa oleh Tertuduh ke satu bilik di hujung flat itu. Pintu bilik hujung ini berkunci dengan satu mangga kecil. Lagi sekali Tertuduh bertindak dengan sukarela membuka mangga kecil dan seterusnya membuka pintu bilik hujung itu.

Dalam pemeriksaan bilik tersebut, PW4 telah menjumpai eksibit-eksibit, dengan ringkasnya seperti berikut:

(a) 15 peket heroin dalam lipatan sehelai seluar;

(b) 120 peket mengandungi heroin dalam empat bungkusan akhbar yang terdapat dalam satu beg plastik;

(c) 60 peket heroin dalam bungkusan yang terdapat dalam satu baldi merah;

(d) 13 peket heroin dalam satu beg plastik;

(e) 6 sampul surat mengandungi heroin yang terdapat dalam satu beg plastik cap “Lin Ho”.

Pemeriksaan oleh Ahli Kimia (PW3) mengesahkan heroin yang didapati dalam bilik itu berjumlah 638.48 gms. Amaun inilah yang menjadi subjek pertuduhan kedua terhadap Tertuduh.

Di atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak Pendakwaan, saya telah berpuashati bahawa anggapan-anggapan statutori di bawah s. 37(d) dan (da) Akta Dadah Berbahaya telah ditimbulkan berkaitan dengan Pertuduhan Pertama. Oleh yang demikian Tertuduh adalah, dengan ini, dianggap ada dalam pemilikannya dadah berkenaan yang dijumpai di betis-betisnya dan mengetahui tentang sifat-sifat dadah tersebut sehingga sebaliknya dibuktikan. Seterusnya, Tertuduh adalah dianggap sebagai mengedar dadah tersebut, juga sehingga sebaliknya dibuktikan.

Berkaitan dengan Pertuduhan Kedua, saya berpuashati bahawa anggapan statutori di bawah s. 37(b) telah ditimbulkan memandangkan kepada keterangan mengenai tindakan Tertuduh memiliki kunci-kunci dan membuka grill besi dan pintu-pintu kepada flat dan bilik di mana dadah berbahaya itu dijumpai. Oleh yang demikian, Tertuduh adalah disifatkan sebagai penduduk bilik berkenaan, sehingga dibuktikan sebaliknya. Berikutan dengan anggapan ini, maka anggapan-anggapan statutori di bawah s. 37(d) dan (da) juga ditimbulkan berkaitan dengan Pertuduhan Kedua ini.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang ada dan anggapan-anggapan statutori yang telah tertimbul serta berpandukan kepada prinsip yang dijelaskan dalam kes Haw Tua Tau sepertimana diterimapakai dalam kes Ragunathan serta dihuraikan dalam kes Munusamy dan lain-lain kes lagi, maka saya berpuashati bahawa pihak Pendakwaan telah membukti kes prima facie terhadap Tertuduh di atas kedua-dua pertuduhan, yang jika tidak disangkal akan membolehkan Tertuduh disabitkan. Dengan itu, saya telah memanggil Tertuduh untuk mengemukakan pembelaannya terhadap kedua-dua pertuduhan itu.

Tertuduh telah memilih memberi keterangan secara mengangkat sumpah. Beliau menceritakan bahawa pada pagi hari berkenaan beliau telah menaiki sebuah teksi untuk pergi ke flat tersebut untuk mencari sahabat karibnya bernama Ah Seng. Bila teksi sampai di hadapan flat tersebut, Tertuduh telah meminta pemandu teksi menunggunya. Dia menaiki tangga ke arah flat itu dan terjumpa Ah Hock, seorang kawan Ah Seng. Ah Hock memberitahunya Ah Seng tiada di flatnya. Tertuduh telah meninggalkan pesan kepada Ah Hock untuk memberitahu Ah Seng bahawa ia hendak pinjam pakai bilik Ah Seng petang itu. Selepas itu Tertuduh telah turun tangga dan pergi semula kepada teksi yang sedang menunggunya itu. Setelah dia menaiki teksi itu, dua orang pegawai polis (yang disebutkan sebagai "anggota kerajaan") telah menghampiri teksi itu dan seterusnya menangkapnya. Tangan-tangan beliau telah digarikan. Tertuduh kemudian menceritakan:

> Pada masa itu anggota yang seorang lagi itu sedang memegang satu bungkusan akhbar. Saya tidak tahu dari mana dia dapat bungkusan itu. Orang yang memegang bungkusan itu tanya saya samada bungkusan itu kepunyaan saya. Saya jawab bukan saya punya. Kemudian orang yang menggari tangan saya pegang belakang saya, dan bawa saya ke sebuah kereta... Kemudian mereka suruh saya naik kereta tersebut. Kereta itu buat satu pusingan dan berhenti di tempat asalnya teksi menunggu. Bila sampai di situ saya disuruh turun daripada kereta itu...

Tertuduh menafikan bahawa semasa beliau ditangkap terdapat bungkusan dadah di betis kiri dan betis kanan dan di dalam poketseluarnya sepertimana diceritakan oleh PW4 dan PW5.

Selepas itu Tertuduh telah dibawa menaiki tangga ke flat berkenaan yang, mengikut Tertuduh, adalah flat Ah Seng. Seterusnya, Tertuduh menceritakan:

> Bila sampai di flat Ah Seng mereka tanya samada saya mempunyai kunci untuk flat itu. Saya jawab ada. Kemudian saya ambil kunci daripada kocek kemeja saya dan membuka pintu grill besi yang dikunci itu. Saya juga buka pintu pagar yang tidak terkunci pada masa itu. Kemudian semua anggota-anggota Kerajaan dan saya masuk flat itu. Saya membawa mereka ke bilik Ah Seng. Bila sampai ke pintu bilik Ah Seng, saya ambil kunci dan membuka bilik Ah Seng. Lepas itu, anggota-anggota Kerajaan buat pemeriksaan dalam bilik Ah Seng.

Tingkahlaku Tertuduh dalam membantu pihak polis membuka grill besi dan pintu-pintu kepada flat dan bilik berkenaan, sepertimana pada umumnya sekata dengan versi pihak Pendakwaan, adalah satu faktor yang relevan dalam menentukan kebersalahan (culpability) Tertuduh berkaitan dengan heroin yang dijumpai di bilik itu.

Penjelasan Tertuduh berkaitan kunci-kunci bilik berkenaan adalah seperti berikut:

> Seorang daripada mereka tanya bagaimana saya mempunyai kunci pada bilik itu. Saya terangkan kepada dia, pada masa dahulu saya pernah membawa kawan perempuan dan meminjam bilik Ah Seng. Selepas menggunakan bilik itu saya memulangkan kunci itu kepada Ah Seng. Tetapi Ah Seng beritahu saya bahawa saya boleh simpan kunci itu untuk kegunaan lain kali. Ah Seng juga beritahu, jika saya hendak pinjam bilik dia, saya kena beritahu dia terlebih dahulu. Dia juga beritahu, saya boleh gunakan bilik itu pada bila-bila masa.

Itulah sebabnya mengapa Tertuduh telah pergi ke flat Ah Seng pada hari berkenaan sebelum beliau ditangkap.

Saya telah menimbangkan keterangan dan penjelasan Tertuduh berlatarbelakangkan keterangan pihak Pendakwaan. Saya sedar akan prinsip asas bahawa adalah tanggungjawab pihak Pendakwaan membuktikan pertuduhan-pertuduhan terhadap Tertuduh melampaui segala keraguan yang munasabah. Saya juga sedar akan tanggungjawab Tertuduh untuk menyangkal

anggapan-anggapan statutori berkenaan di atas imbangan kebarangkalian (balance of probabilities). Pada akhir kes pihak Pembelaan, Tertuduh hanya perlu menimbulkan keraguan munasabah di atas keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak Pendakwaan.

Saya akan bermula dengan Pertuduhan Kedua. Selain daripada keterangan bahawa Tertuduh memiliki kunci-kunci kepada flat dan bilik tersebut dan telah membuka pintu-pintu dan grill besi berkenaan, tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan untuk mengaitkan Tertuduh kepada bilik berkenaan dan dadah yang dijumpai di dalamnya. Keterangan dalam kes pihak Pendakwaan sendiri menunjukkan bahawa ada tiga orang dewasa lain yang tinggal di flat itu - seorang perempuan Cina tua, seorang perempuan Cina muda dan suaminya bernama Hoe Siong Koon. Pihak Pendakwaan gagal membawa saksi-saksi ini ke Mahkamah untuk memberi keterangan berkaitan dengan bilik berkenaan. Siapakah yang menyewa atau tinggal di bilik itu? Walaupun tidak ada anggapan buruk ditimbulkan terhadap pihak Pendakwaan akibat kegagalannya mengemukakan saksi-saksi ini, tetapi ini telah menimbulkan kelemahan dalam kes Pendakwaan. Ini menimbulkan kemungkinan atau kebarangkalian bahawa ada orang-orang lain yang menjadi penghuni atau penduduk bilik itu atau boleh keluar masuk bilik itu. Saya telah mengkaji penjelasan Tertuduh bahawa dia menggunakan flat itu dengan kebenaran Ah Seng untuk membawa teman-teman wanitanya. Tanpa keterangan kukuh dari pihak Pendakwaan mengenai penghuni atau penduduk bilik berkenaan adalah barangkali benar bahawa Tertuduh bukanlah penghuni atau penduduk bilik itu dan tidak memiliki barang-barang yang terjumpa di dalamnya. Tertuduh telah menafikan dadah yang terjumpa di bilik itu adalah kepunyaannya. Dia mengatakan “saya tidak pernah nampak bungkusan-bungkusan ini semasa saya gunakan bilik ini dahulu.” Seperti yang saya sebutkan di atas tadi, keterangan tingkah laku Tertuduh rela membantu polis membuka grill dan pintu-pintu tersebut adalah relevan dalam menentukan kebersalahan Tertuduh. Ini adalah kerana tindakan spontan ini menunjukkan kebarangkalian Tertuduh tidak tahu atau mengsyaki adanya dadah di dalam bilik tersebut. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa Tertuduh telah menyangkal anggapan statutori di bawah s. 37(b) yang mensifatkannya sebagai penghuni atau penduduk bilik berkenaan. Seterusnya anggapan-anggapan di bawah s. 37(d) dan (da) dengan itu tersangkal.

Cerita Tertuduh, jika dikaji dari segi tingkah-lakunya dan dipadankan dengan cerita pihak Pendakwaan, adalah munasabah dan ada kemungkinan benar. Saya tidak mempercayai cerita Tertuduh sepenuhnya, tetapi apa yang perlu saya fikirkan di akhir kes pihak Pembelaan ialah samada cerita Tertuduh itu telah menimbulkan keraguan yang munasabah walaupun saya tidak mempercayai ceritanya itu. Di atas segala keterangan yang ada saya berpendapat bahawa Tertuduh telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak Pendakwaan berkaitan dengan Pertuduhan Kedua. Oleh yang demikian, saya bebas dan lepaskan Tertuduh daripada Pertuduhan Kedua ini.

Berkaitan dengan Pertuduhan Pertama pula, saya berpuashati bahawa keterangan langsung dan nyata oleh pihak Pendakwaan tidak dapat disangkal oleh Tertuduh. Pembelaan Tertuduh adalah semata-mata menafikan bahawa dadah berkenaan telah dijumpai terikat kepada betis-betisnya sepertimana diceritakan oleh PW4 dan PW5. Saya terima PW4 dan PW5 sebagai saksi-saksi yang benar dan saya tidak ada apa-apa sebab untuk mengsyaki kebenaran keterangan mereka. Saya menolak sama sekali keterangan Tertuduh bahawa Pegawai Polis telah menjumpai satu bungkusan dengan implikasinya bahawa dadah berkenaan dijumpai di tempat lain dan bukan di badan Tertuduh. Cerita Tertuduh berkaitan dengan Pertuduhan

Pertama ini adalah tidak munasabah dan tidak menyangkal anggapan-anggapan statutori berkenaan di atas imbangan kebarangkalian. Saya berpuashati juga bahawa ceritanya juga tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pihak Pendakwaan atau terhadap kebersalahannya. Oleh yang demikian saya dapati Tertuduh bersalah dan mensabitkannya di atas Pertuduhan Pertama ini. Seterusnya saya menjatuhkan hukuman mati yang mandatori ke atasnya.

Also found at [1990] 1 CLJ 234